

## KENYATAAN AKHBAR

### SEMINAR LIVABLE CITIES

Jabatan Perancangan Pembangunan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengadakan sidang media Livable Cities pada 20 Jun 2012. Tujuan sidang media ini diadakan adalah untuk menandatangani **Memorandom Persefahaman (MoU)** di antara MBPJ dan Pertubuhan Perancangan Malaysia (MIP) bagi memperbaharui MoU pertama yang telah ditandatangani pada November 2007 bersempena dengan Hari Perancangan Bandar Sedunia.

Memorandom persefahaman kedua ini akan memperbaharui persetujuan terdahulu antara MBPJ dan MIP bagi mewujudkan serta mempromosikan “**LIVABLE CITY**” di Petaling Jaya melalui pendidikan dan kesedaran secara berterusan kepada 4 semua golongan berkepentingan (stakeholders).

Sejajar dengan hasrat tersebut, MBPJ bersama MIP akan bekerjasama dalam menganjurkan Seminar Kebangsaan kali Kedua iaitu “**2<sup>nd</sup> INTERNATIONAL LIVABLE CITIES PETALING JAYA; CITY OF YOUR CHOICE**”. Seminar kedua bertemakan “**CITY OF YOUR CHOICE**” ini akan berlangsung selama 2 hari bermula pada 18 hingga 19 Julai 2012 di Royale Bintang Damansara, Mutiara Damansara yang mana akan memberikan pendedahan serta peluang bertukar serta berkongsi amalan baik di luar Negara seperti di Australia serta di peringkat tempatan.

Bersempena dengan smabutan Ulangtahun Bandaraya Petaling Jaya yang keenam pada tahun ini, tema “**CITY OF YOUR CHOICE**” telah diilhamkan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya dalam mencapai misi Majlis dalam menyediakan sebuah Bandaraya idaman serta ideal kearah Bandaraya peneraju, dinamik serta mampan. Seminar kedua pada tahun ini turut memperlihatkan kerjasama serta sokongan daripada pelbagai pihak swasta termasuk Royale Bintang Damansara serta Redha Selangor.

Penganjuran seminar tahun ini turut mengambil pendekatan yang berbeza daripada seminar pertama yang telah diadakan pada tahun 2008. Bagi tahun ini, bengkel pra seminar Livable cities Petaling Jaya telah diadakan pada 30 Mei 2012 si dekolah Sri KDU , Kota Damansara yang telah dihadiri oleh pelbagai pihak termasuk sektor swasta, persatuan penduduk serta agensi kerajaan. Bengkel tersebut yang juga merupakan anjuran bersama dengan MIP telah diadakan bertujuan untuk memberi makluman serta mendapatkan maklumbalas daripada golongan stakeholders

berkaitan tentang imej Petaling Jaya masa kini, imej Petaling Jaya akan datang serta aspek-aspek yang perlu ditekankan dalam konsep pembangunan di Petaling Jaya.

Hasil daripada bengkel tersebut, sebuah laporan telah dikeluarkan yang mana akan dibentangkan pada seminar yang akan diadakan nanti. Antara bentuk soalan serta maklumbalas yang telah diberikan semasa bengkel tersebut merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

**i. FUTURE IMAGE OF PJ CITY**

- Well-connected Public Transport
- Iconic Buildings; a City where private cars are not necessary
- Many parks and gardens
- A safe city
- City for the young
- A compact city
- A metropolis other than KL; and
- A city without traffic congestion

**ii. TOP ELEMENTS OF CITY DEVELOPMENT THAT PJ HAS TO FOCUS ON:**

- Well-connected Public Transport
- Iconic Buildings; a City where private cars are not necessary
- Many parks and gardens
- A safe city
- City for the young
- A compact city
- A metropolis other than KL; and
- A city without traffic congestion

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Tarikh : 15 Jun 2012

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : pjcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204,  
Faks : 03-79582695. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :  
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my  
Pen. Peg. Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar,  
010-4268050 ahmadiskandar@mbpj.gov.my

